

# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3278-anugerah-perkhidmatan-cemerlang-peringkat-kementerian-pertahanan](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3278-anugerah-perkhidmatan-cemerlang-peringkat-kementerian-pertahanan)



KUALA LUMPUR, 4 Apr 18 – Seramai sembilan pegawai dan seorang anggota lain-lain pangkat TUDM antara penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Peringkat Kementerian Pertahanan yang telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, YB Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein di Auditorium Wisma Pertahanan hari ini.

Semua penerima APC menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi berjumlah RM1000.00 yang diberikan dalam bentuk Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional.

Majlis yang diadakan ini adalah bagi mengiktiraf dan menghargai Warga Kementerian Pertahanan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2017 di dalam jawatan dan bidang masing-masing.







